

muhasin amrullah, pedagogia ibnu koldun 2019 - muhasin1 umsida

by Muhasin Amrullah 23/04/2019

Submission date: 23-Apr-2019 08:49AM (UTC+0700)

Submission ID: 1117296156

File name: asin_amrullah,_pedagogia_ibnu_koldun_2019_-_muhasin1_umsida.pdf (983.5K)

Word count: 4935

Character count: 31572



Pemikiran Ibnu Khaldun dalam Strategi Pelaksanaan Iklim Dini Di Sekolah

Raihan Bin Mohd Arifin¹, Kamarul Shukri bin Mat Teh², Norhisham Muhamad³, Muhlasin Amrullah⁴
 Universitas Sultan Zainal Abidin, Malaysia^{1,2,3}, Universitas Muhammadiyah Sidoarjo⁴
 Email : raifad5566@gmail.com¹, kamarul@unisza.edu.my², muhlasam@gmail.com⁴

Abstract - Ibn Khaldun is one of the leaders and Islamic thinkers of sociology, education, politics and economics. The scholars acknowledge their masterpiece al-Mukadimah as a source of study and references to this day. The purpose of this study is to examine strategies according to Ibn Khaldun's thinking in implementing Islamic school climate in order to be used as a guide and adapted in school. This qualitative study uses content analysis. This study finds that the Islamic school climate-implementation strategy proposed by Ibn Khaldun is very useful for adoption and practice by today's educators. This paper takes Ibn Khaldun's views from various scopes including environmental theory, strategy and thought. As a result of this study, a framework related to Islamic school climate implementation strategies has also been proposed.

Keyword : Ibn Khaldun; Implementation Strategy; Early Climate.

Abstrak - Ibnu Khaldun merupakan salah seorang tokoh dan pemikir Islam berkaitan ilmu sosiologi, pendidikan, politik dan juga ekonomi. Para sarjana mengakui karya ulung nya al-Mukadimah sebagai sumber kajian dan rujukan sehingga ke hari ini. Tujuan kajian ini adalah untuk mengupas strategi menurut pemikiran Ibnu Khaldun dalam melaksanakan iklim dini agar boleh dijadikan panduan serta diadaptasikan di sekolah. Kajian kualitatif ini menggunakan analisis kandungan. Kajian ini mendapati bahawa strategi pelaksanaan iklim dini yang dicadangkan oleh Ibnu Khaldun sangat bermanfaat untuk diguna pakai serta dipraktikkan oleh para pendidik masa kini. Kertas kerja ini mengambil pandangan Ibnu Khaldun dari pelbagai ruang lingkup termasuk teori persekitaran, strategi dan pemikiran. Hasil daripada kajian ini, rangka kerja berkaitan strategi pelaksanaan iklim dini turut dicadangkan.

Kata Kunci : Ibnu Khaldun; Strategi Pelaksanaan; Iklim Dini.

PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan salah satu mekanisme untuk menyampaikan agama Islam dan juga proses dakwah kepada masyarakat. Pendidikan merupakan proses untuk memupuk serta mendidik sesuatu dalam kehidupan manusia ke arah yang lebih baik. Proses pentarbiahan ini melibatkan metode dan sistem yang merujuk kepada proses penyampaian secara beransur-ansur. Proses ini melibatkan isi kandungan yang ingin di pupuk dalam diri manusia berpandukan perspektif, kaedah berfikir, dan metodologi Islam [1]. Proses ini dinamakan sosiologi pendidikan Islam.

Sosiologi pendidikan Islam merupakan gabungan ilmu sosiologi dan pendidikan berlandaskan Islam. Sosiologi pendidikan Islam ini mengkaji dan mengemukakan pelbagai fenomena pendidikan, sosial, dan kemasyarakatan dalam konteks masyarakat, negara, dan antarabangsa yang bertunjangkan kepada perintah dan larangan Allah sebagaimana yang dijelaskan dalam Quran, hadis, ijmak, mahupun qias. Selain itu, sosiologi pendidikan Islam juga mempunyai matlamat yang jelas iaitu untuk mempertingkatkan atau memperbetulkan keperibadian manusia dan masyarakat dengan wadah pendidikan serta untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT demi mendapatkan keredhaan Allah di dunia dan akhirat.

Biodata Tokoh Ibnu Khaldun

Ibnu Khaldun (1332-1406 M) merupakan seorang tokoh sejarawan dan pemikir Islam dalam bidang-bidang seperti politik, sosial, ekonomi, dan juga pendidikan. Nama beliau ialah Wali Al-Din Abd Rahman bin Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin al-Hasan bin J. bin Muhammad bin Ibrahim bin Abd Rahman Ibnu Khaldun. Beliau merupakan seorang ahli penulisan sejarah Arab abad ke-14 M dan telah diiktiraf sebagai pengasas kajian sejarah moden, sosiologi dan ekonomi. Idealisme yang dikemukakan oleh beliau terutama dalam bidang sosiologi dan teori perubahan sosial sering diguna pakai dan dikaji sehingga kini.

Beliau juga diberi gelaran sebagai 'bapa sosiologi Islam' yang mengasaskan ilmu sosial kerana sering membincangkan tentang perkembangan peradaban manusia dan kemajuan manusia. Beliau banyak mengkaji dan meneliti perihal pelbagai kelompok manusia sama ada yang tinggal di padang pasir, pedalaman, atau di pesisir pantai. Selain itu, beliau turut mengkaji hal-hal berkaitan persekitaran serta aktiviti harian yang mempengaruhi tingkah laku dan tindakan manusia.

Ketokohan beliau sebagai ilmuwan Islam yang masyhur di seluruh dunia terselah melalui kitab al-Mukadimah. Ibnu Khaldun telah menghasilkan kitab al-Mukadimah pada bulan November 1377 M. Ketinggian pemikiran dan keilmuan Ibnu Khaldun melalui kitab tersebut telah diiktiraf oleh sarjana Muslim dan juga sarjana Barat. Kitab tersebut merupakan kemuncak karya pemikiran dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan serta mempunyai huraian yang jelas terutama dalam bidang ilmu sains sosial atau sosiologi [2].

Definisi dan Konsep Iklim Dini

Iklim sekolah merupakan gabungan nilai, budaya, amalan keselamatan dan struktur organisasi dalam sesebuah sekolah [3]. Garret berpendapat iklim adalah cara kita melakukan sesuatu dalam persekitaran yang sedia ada. Dalam konteks kajian ini, iklim sekolah merujuk kepada keadaan dan suasana persekitaran sekolah yang mempengaruhi tingkah laku pelajar [4]. Iklim dini pula bermaksud persekitaran Islam atau suasana keagamaan yang wujud dalam persekitaran sekolah. Ia melibatkan amalan dan kebiasaan seseorang individu atau masyarakat setempat yang mengamalkan dan mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian komuniti berkenaan, terutamanya dalam menghayati ajaran akhlak mulia dengan suasana fizikal yang bersih, ceria dan menyenangkan keseluruhan warganya [5] [6] [7]. Secara umum, iklim sekolah boleh disamakan sebagai personaliti sekolah. Oleh yang demikian, iklim sekolah ialah kualiti yang penting dalam persekitaran sekolah kerana ia dapat mempengaruhi tingkah laku murid, guru serta warganya.

Ibnu Khaldun berpandangan bahawa iklim sekolah mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan seharian. Iklim sekolah berperanan penting dalam membentuk persekitaran atau budaya yang positif terhadap pelajar, guru dan staf. Titik permulaan untuk meningkatkan prestasi pelajar dan guru adalah dengan memperbaiki iklim sekolah. Diandaikan bahawa iklim sekolah yang positif meningkatkan pengajaran yang berkesan, dan sebagai hasilnya prestasi pembelajaran pelajar juga akan bertambah baik.

Perbincangan dan perbincangan tentang iklim telah berlaku sekian lama. Perbincangan tersebut bukan sahaja berlaku dalam kalangan sarjana barat, malah Islam dan para sarjana Muslim sejak sekian lama telah memberi penekanan tentang iklim. Dalam ajaran Islam, iklim sangat dititikberatkan. Pelbagai konsep hidup dan bersosial diperkenalkan seperti hidup bersatu padu, berkasih sayang, bertegur sapa, berbincang, bergotong royong dan sebagainya. Semua ini dikira sebagai ibadah dan apabila dilaksanakan dengan ikhlas akan memperoleh pahala di sisi Allah.

Ibnu Khaldun sangat menitikberatkan peranan iklim bagi pembentukan akhlak yang baik. Menurut Ibnu Khaldun, iklim yang baik perlu bagi menghasilkan akhlak yang baik dan akhlak yang baik itu perlu lahir dari diri sendiri berdasarkan pengamatannya kepada faktor-faktor iklim yang boleh mempengaruhi tabiat hidup manusia [2]. Ini kerana manusia berbeza berdasarkan iklim di mana dia berada. Sesiapa yang berada dalam iklim yang membantunya ke arah kebaikan, maka dia lebih cenderung untuk menjadi golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya. Malah, Imam al-Ghazali juga memberi penekanan yang utama terhadap faktor iklim bagi membentuk *syakhsiyah* mulia dalam diri seseorang melalui kaedah pemerhatian dan pergaulan. Menurut al-Ghazali, manusia secara fitrah bersifat meniru di mana seseorang itu boleh memperoleh kedua-dua sifat baik dan buruk daripada keadaan seorang yang lain. Jika seseorang itu bergaul dengan seorang yang soleh di dalam tempoh tertentu, dia akan memperoleh dalam dirinya sesuatu kebaikan daripada orang tersebut dan secara tidak disadari.

Antara perkara yang Islam berusaha tegakkan adalah iklim atau suasana yang solehah. Ia disebut dalam bahasa Arab sebagai *al-iklim al-soleh*. Kewujudan persekitaran yang soleh atau baik dan takwa akan mempengaruhi pembentukan jiwa dan akhlak penghuni yang berada dalamnya. Insan apabila hidup dalam sesuatu suasana, secara kebiasaannya suasana itu akan mempengaruhinya. Jika seseorang yang kurang bijak hidup dalam kalangan mereka yang bijak, maka sedikit sebanyak bicara dan pendapat yang bijak dan berkualiti itu akan tempias kepadanya. Justeru, iklim dini amat penting untuk dilaksanakan serta dipraktikkan dalam kehidupan seharian di sekolah demi menghasilkan pelajar yang berkualiti dan seimbang dari sudut rohani, jasmani, emosi, dan sahsiah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia.

METODE

Kajian ini menggunakan penyelidikan data kualitatif berbentuk deskriptif berdasarkan analisis kandungan kitab al-Mukadimah. Data ini dikupas secara mendalam dari analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan [8] [9].

HASIL DAN PEMBAHASAN

Strategi 9 strategi Pelaksanaan Iklim Dini Di Sekolah 9

Strategi adalah pendekatan secara keseluruhan yang berkaitan dengan pelaksanaan yang dirancang untuk memastikan 9 bahwa tujuan utama dapat dicapai melalui pelaksanaan yang tepat oleh organisasi [10]. Secara umumnya, strategi adalah proses penentuan rancangan para pemimpin yang berfokus pada tujuan jangka panjang organisasi, disertai penyusunan suatu cara atau upaya bagaimana agar tujuan tersebut dapat dicapai.

Ibnu Khaldun menyatakan bahwa 10 daya olah fikiran manusia dibentuk oleh persekitaran, bermula dengan persekitaran dan seterusnya akan membentuk suatu sistem. Hasil daripada sistem tersebut akan membentuk suatu budaya. Oleh itu, perubahan budaya seharusnya dapat dilaksanakan dengan memberikan strategi pelaksanaan iklim dini yang baik dengan mewujudkan suasana keagamaan di sekolah serta dapat mengubah aturan hidup supaya menjadi lebih baik. 10 Ia juga telah memfokuskan beberapa strategi yang perlu dibincangkan dengan terperinci untuk diaplikasikan dalam membentuk tingkah laku, pemikiran dan kepintaran manusia. Strategi yang telah dikemukakan oleh Ibnu Khaldun dalam penulisan beliau antara lain:

Strategi Ansytah Atau Aktiviti/ Program

Ansytah memainkan peranan penting dalam membentuk suasana pembelajaran di sekolah agar pelajar merasa lebih selesa dan berkeyakinan. *Ansytah* merupakan aktiviti-aktiviti yang berfaedah yang dilakukan oleh para pelajar. Aktiviti atau program yang diadakan untuk para pelajar ini dapat membantu perkembangan sosial serta memberi pengaruh yang positif kepada keperibadian dan kerohanian pelajar. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan secara rutin harian, mingguan, dan bulanan supaya dapat menyuburkan kemahiran dalam kalangan pelajar walaupun hal ini tidak dikira sebagai satu manhaj.

Aktiviti atau program menurut Ibnu Khaldun merupakan satu keperluan untuk menyuburkan kemahiran yang ada dalam kalangan pelajar. Aktiviti yang dijalankan dapat membentuk sifat berdikari, bekerjasama dengan orang lain, berkemampuan untuk bertindak dan menangani permasalahan hidup yang dihadapi. Hasil daripada aktiviti akan 12 at melahirkan pelajar yang berkebolehan dan berakhlak yang mulia. Selain itu, Paul B. Horton juga menjelaskan kegiatan atau aktiviti di sekolah yang sentiasa dipenuhi oleh interaksi sosial, komunikasi dan kerjasama antara ahli-ahli akan membantu pembentukan personaliti atau sahsiah para pelajar dalam satu organisasi sekolah tersebut [11]. Kepentingan aktiviti atau program keagamaan sememangnya mempengaruhi penghayatan akhlak pelajar apabila dapatan kajian Mat Zain dan Abdullah yang membandingkan pelajar MRSM dengan pelajar SMKA [12]. Secara keseluruhan kajian tersebut mendapati pelajar-pelajar MRSM mempunyai pekerti atau akhlak yang kurang baik.

Antara faktor yang dikenal pasti dalam kajian tersebut ialah pembelajaran agama yang tidak mencukupi dan pelajar tidak berpuas hati dengan aktiviti dan perkembangan dakwah yang dijalankan di sekolah-sekolah berkenaan. Ini menunjukkan pembentukan sahsiah pelajar lebih banyak dipengaruhi oleh sistem hidup asrama. Kajian yang dijalankan oleh Ab Halim Tamuri, Shahril, & Tajul menyokong kepentingan dilaksanakan aktiviti keagamaan [13]. Kajian beliau mendapati pelajar bersetuju dengan aktiviti-aktiviti surau sekolah yang telah berjaya membentuk semangat setia kawan sesama pelajar. Ini bermakna aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan berjaya mewujudkan satu suasana interaksi sosial yang positif dalam kalangan pelajar.

Kajian Masribanun menyatakan bahawa wadah tarbiah bukan hanya melalui pengajaran Pendidikan Islam di dalam kelas sahaja tetapi ia juga melibatkan pelajar dalam bidang kokurikulum khususnya aktiviti keagamaan yang menjadi wadah pembinaan dan penyuburan insan yang seimbang dan akhlak yang mulia [14]. Penglibatan pelajar dalam aktiviti keagamaan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah akan dapat memberi pengisian dan penyuburan jiwa dengan nilai-nilai agama yang lebih mendalam disamping dapat memantapkan kefahaman Islam dengan lebih jelas.

Jelaslah bahawa aktiviti memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan Buah Solehah di sekolah. Setiap aktiviti atau program yang bakal dijalankan perlu dirancang dengan teliti supaya matlamat yang dirancang tercapai dan dapat menghasilkan satu natijah yang baik untuk pelajar dalam membentuk akhlak yang mulia.

Strategi Qudwah Atau Conto 1 Teladan

Qudwah bermaksud conto 1 teladan dan model kehidupan baik yang perlu dicontohi oleh para pelajar. Manakala hasanah pula bermaksud perbuatan yang baik. Apabila di 1 bungkan antara *qudwah* dan hasanah maka maksudnya menjadi contoh teladan yang baik yang pernah disebut dalam al-Quran agar umat Islam mencontohi nabi Muhammad SAW dalam kehidupan mereka. Islam sendiri menunjukkan contoh teladan baik yang perlu diterapkan dalam diri seseorang. Islam juga mengakui bahawa medium pendidikan yang paling efektif dan berpengaruh adalah melalui contoh teladan yang baik. seseorang Muslim akan mengikut keteladanan yang

diperoleh dari pengaruh persekitarannya untuk dijadikan model atau dicontohkan dalam menerapkan nilai-nilai positif dalam keperibadiannya. Sesungguhnya Rasulullah SAW adalah teladan yang paling baik untuk kita contohi. Kredibiliti yang ada pada Nabi Muhammad SAW menjadi ikutan para sahabat dan pengikutnya dalam segala aspek kehidupan. Sebagaimana Allah berfirman dalam surah al-Ahzab 33:21: yang bermaksud [15];

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”

14 Ayat ini menjelaskan kepada kita tentang diri Rasulullah SAW yang memiliki contoh teladan yang baik. Orang yang ingin mengharapkan keredhaan Allah s.w.t, perlu mencontohi Baginda SAW. Ibnu ‘Ashur dalam mentafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa ikutan yang baik ini membawa maksud seseorang mengikut apa yang dilakukan oleh seseorang dengan cara mengamalkan apa sahaja amalan seperti yang diamalkan oleh orang yang diikutinya [16]. Pada asalnya ayat ini dikhususkan oleh Allah SWT bagi memuji para sahabat yang tetap berpegang teguh mempertahankan Islam bersama Rasulullah SAW dalam peperangan serta menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan yang baik dalam kehidupan mereka ketika berjuang. Kemudian maksud ini diumumkan kepada semua ikutan yang baik pada perbuatan dan suruhan baginda. Maksud daripada perbuatan khususnya dalam bentuk kesabaran, keberanian, dan tetap pendirian. Selain itu, ikutan yang baik juga mengikut Nabi dengan menjauhi perkara yang ditegah dan dilarang olehnya.

Terdapat contoh hadis yang berbentuk *qudwah* hasanah yang menggambarkan bagaimana Rasulullah SAW menunjukkan tingkah laku kepada para sahabat dan orang yang di sekitarnya untuk mereka contohi dan ikuti dengan sempurna. Semua bentuk tingkah laku Nabi SAW sebagai pemerintah, ketua tentera, bapa, suami, imam di Masjid adalah termasuk dalam kategori ini. Contoh hadis yang bersifat *qudwah* hasanah ini boleh dilihat dalam hadis ini (Al-Bukhari, 1987: 676) :

ناكَ تَلَاَقَ هَتَيْبَ يَفْ عُمَيْيَ يَبْنَونَا نَاكَ اَمَ قَلَّ صِلَا نَا: شِنَاعَ ثَلَّ اَسْ لَاقَ دَوِيْسَ لَاقَ نَعِ
جَرَخَ قَلَّ صِلَا تَرْضَخَ اِذَا فِ هِلَهْ اَقْمَدَخَ يَنْغَرَتِ هِلَهْ اَقْتَهْمَ يَفْ نُوْكِي

1 Maksud: Al-Aswad berkata bahawa aku pernah bertanya kepada ‘A’ishah RA: “Adakah Nabi SAW membuat kerja rumah di rumahnya? ‘A’ishah RA menjawab, “Baginda sentiasa sibuk berkhidmat untuk ahli keluarganya. Namun apabila waktu solat tiba, baginda segera keluar untuk pergi bersolat.”

(Riwayat Sahih al-Bukhari)

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa contoh ikutan terbaik yang perlu kita ikuti ialah Rasulullah SAW. Metodologi Islam yang sempurna terbentuk hasil daripada metode teladan berdasarkan akhlak yang di tunjukkan oleh keperibadian Rasulullah SAW. Metode ini dianggap penting dalam pembinaan dan didikan akhlak. Contoh teladan yang baik memberi pengaruh yang penting terhadap pendidikan dan peradaban individu, terutama kepada kanak-kanak dan remaja sekolah. Kesimpulannya, contoh teladan merupakan satu strategi yang boleh digunakan untuk membentuk akhlak dan keperibadian pelajar. Semua pihak berperanan penting menjadikan diri masing-masing sebagai contoh teladan yang baik terhadap golongan muda dalam membentuk keperibadian yang unggul.

Strategi Amali Atau Amalan/ Perbuatan

Kaedah *amali* merupakan pengamalan atau pelaksanaan sebenar sesuatu ilmu pengetahuan. *Amali* juga adalah amalan atau perbuatan yang dilakukan untuk membersihkan jiwa serta mendekatkan diri kepada Allah dan Rasul-Nya. Manhaj al Quran telah menetapkan bahawa ilmu yang diperoleh melalui proses *ta’lim* perlu dilaksanakan dalam bentuk amalan.

Pendekatan *amali* adalah antara kaedah yang paling banyak digunakan oleh Rasulullah SAW terutamanya dalam pengajaran bab ibadah. Sebagai contoh terdapat hadis yang menerangkan bagaimana Rasulullah SAW mengajar tentang wuduk dan solat dengan menunjukkan sendiri cara pergerakan solat yang betul. Amalan yang dilaksanakan melalui proses pengajaran dan pembelajaran, akan lebih dikuasai dan dihayati sehingga terbentuk suatu kebiasaan dalam dirinya [17]. Prinsip amalan ini merupakan satu proses pendidikan yang diterajui sebagaimana sabda Rasulullah SAW [15]:

ثم لَمَعَ امبِ مَلْعَ هَشْرُوْا اللّٰهَ مَلْعَمَ لَمَّ مَلْعِي

“Barang siapa mengamalkan apa yang ia ketahui, maka Allah akan memberikan kepadanya ilmu yang tidak ia ketahui”.

Ayat ini menerangkan Allah suka jika kita dapat mengamalkan ilmu yang dipelajari terutamanya berdasarkan apa yang telah disebutkan dalam al-Quran. Oleh sebab itu, *strategi amali* amat dititikberatkan dalam teori Ibnu Khaldun kerana perilaku atau perbuatan persekitaran sekeliling akan memberi kesan kepada pembentukan akhlak para pelajar. Selain perbuatan, peristiwa yang berlaku di sekeliling pelajar juga akan mempengaruhi *amali* mereka. Sekiranya mereka berada dalam situasi yang baik, secara tidak langsung pelajar juga akan mencontohi *amali* yang baik tersebut dan begitulah sebaliknya.

Walau bagaimanapun, proses mentarbiahkan pelajar untuk melahirkan akhlak yang baik memerlukan usaha yang berterusan serta membuat latihan *amali* supaya dapat membiasakan diri dengan sifat-sifat yang terpuji dan menjauhi segala sifat yang terkeji [18]. Justeru, untuk mengenal keaiban diri ialah dengan sentiasa bermuhasabah dan membuat refleksi diri untuk menyemak kembali apa yang telah dibuat sepanjang hari serta mengamalkan amalan-amalan harian seperti berzikir, membaca al-Quran dan memahami pengertiannya, qiamullail dan sebagainya. Amalan-amalan ini merupakan salah satu cara untuk mencapai akhlak yang baik. Semua perbuatan dan tingkah laku dalam Islam dijadikan sebagai amalan harian mengikut prosedur-prosedur tertentu yang perlu dipatuhi oleh setiap umatnya. Prosedur ini bukan bertujuan untuk menyusahkan umat Islam tetapi sebagai jaminan ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Strategi Taqlid Atau Peniruan

Hasil daripada strategi *amali* akan berlakunya taqlid iaitu peniruan dalam kalangan pelajar di sekolah. Berdasarkan pandangan Ibnu Khaldun menyatakan bahawa *taqlid* atau *muhakah* adalah termasuk perkara semula jadi yang difitrahkan kepada manusia yang mempengaruhi pembentukan peribadi manusia. Manusia secara semula jadi mempunyai sifat untuk meniru perbuatan orang di sekelilingnya sama ada sifat baik atau buruk. Jika persekitaran yang didiami baik, maka mereka akan mudah untuk meniru sifat yang baik daripada orang tersebut dan tanpa disedari akan mempelajari sesuatu daripadanya [19]. Dalam al-Quran juga telah menyarankan pendekatan meniru atau mengambil contoh bagi menghasilkan sifat dan tingkah laku yang baik. Sebagaimana yang diterangkan dalam surah al-Maidah (5:31) berkaitan peristiwa Qabil yang meniru cara-cara seekor burung gagak mengebumikan seekor gagak yang lain bagi mengebumikan mayat Habil. Ayat tersebut jelas menceritakan hal tersebut [15].

Maksudnya: Kemudian Allah hantarkan seekor burung gagak (menyuruhnya) mengorek-ngorek di bumi supaya, diperlihatkan kepada (Qabil) Bagaimana cara menimbus mayat saudaranya. (Qabil) berkata: "Wahai celakanya aku! Alangkah lemah serta bodohnya aku, Aku tidak tahu berbuat seperti burung gagak ini, supaya Aku dapat menimbuskan mayat saudaraku?". kerana itu menjadilah ia dari golongan orang-orang Yang menyesal.

Selain itu, Allah SWT juga berfirman dalam surah al-Baqarah (01:170) yang telah terbukti bahawa sifat taqlid ini merupakan sifat semula jadi manusia untuk meniru sifat baik dan buruk daripada orang di sekelilingnya dalam tempoh tertentu [15]. Taqlid juga merujuk kepada fikiran, amalan, atau tindakan yang dipilih dengan mengikuti pembiasaan, amalan kemasyarakatan seperti adat resam termasuk cara beramal dan pandangan terhadap konsep-konsep kehidupan yang diajari dalam Islam [20]

Konsep kehidupan boleh diperbaiki dengan kaedah peniruan, dengan melihat tingkah laku yang lebih baik sambil mempelajari sebab-sebab yang membawa ke arah kebaikan untuk dijadikan perbandingan dan ikutan. Di sekolah, pelajar akan melihat akhlak dari sahabat atau guru-gurunya untuk dijadikan sebagai panduan yang boleh ditiru sehingga menjadi amalan yang baik dalam dirinya. Mengikut teori pembelajaran mazhab sosial juga, pembelajaran melalui pemerhatian atau peniruan (Bandura 1973) mendapati peniruan boleh berlaku hanya melalui pengamatan terhadap perilaku model (orang yang ditiru) meskipun tanpa sebarang penegasan [21]. Oleh itu, strategi ini perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah dalam usaha membentuk kementerian pelajar yang seimbang seperti yang dikehendaki dalam Transformasi Nasional (TN50).

Strategi Talqin Atau Nasihat

Terdapat banyak tafsiran yang dimaksudkan dengan *talqin*. *Talqin* dari segi bahasa membawa maksud mengajar atau memahami secara lisan. Manakala dari sudut istilah pula bermaksud mengajar dan mengingatkan

kembali seseorang dengan kalimah-kalimah tertentu. Makna *talqin* mengikut pandangan Ibnu Khaldun pula ialah ilmu yang diperoleh daripada masyarakat dengan kaedah pandang dengar.

Kaedah *talqin* ini juga mampu mempengaruhi akhlak manusia seperti mana yang telah disebut di dalam al-Quran. Al-Quran mempunyai berbagai cara dalam melaksanakan dakwah. Antaranya ialah dengan mengingatkan Allah, menyampaikan peringatan, bimbingan dan nasihat. Nasihat atau bimbingan yang berkesan akan memberi impak yang besar dalam jiwa seseorang Muslim. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Dzariyat 51:55 yang bermaksud [15]:

“Dan berilah peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang mukmin.”

Ayat ini menjelaskan bahawa kita seharusnya memberi nasihat atau peringatan antara satu sama lain. Strategi *talqin* merupakan satu metode nasihat untuk menimbulkan kesedaran dalam melakukan perkara yang telah diperintahkan oleh agama Islam. Sebagaimana kisah Luqman al-Hakim memberi nasihat kepada puteranya, antara nasihatnya ialah tidak menyekutukan Allah, agar berbuat baik kepada ibu bapa, agar bersyukur kepada Allah, menunaikan solat, serta *Amar Maghruf Nahi Mungkar*. Selain itu, Rasulullah SAW juga menggunakan strategi *talqin* dalam berdakwah dengan menggunakan aspek nasihat dan teguran secara psikologi iaitu dengan menggunakan bahasa sindiran (*kinayah*). Strategi ini menjadikan para sahabat, pemimpin umat atau sesiapa sahaja yang mendapat teguran daripada baginda tidak berasa malu dan mudah menerima dengan hati yang terbuka [6].

Para pendidik hari ini masih boleh menggunakan kaedah *talqin* ini dalam membentuk iklim dini yang berkesan di sekolah masing-masing. Dengan menggunakan strategi ini, para pendidik mempunyai kesempatan yang luas untuk memberi nasihat serta tunjuk ajar yang betul dalam melakukan perkara kebaikan. Sebagai contoh, para pendidik boleh mengaitkan nasihat yang diberi dengan kisah-kisah dari al-Quran, kisah nabawi dan umat terdahulu yang banyak mengandungi pengajaran dan teladan. Oleh itu, *talqin* sangat berperanan penting dalam mendidik para pelajar menghayati nilai-nilai murni dan seterusnya menjadi amalan dalam kehidupan seharian mereka.

Strategi *Takrir* Atau Pembiasaan/ Praktikal

Takrir merupakan latihan penyempurnaan diri dengan melakukan pembiasaan dan pengulangan seseorang secara terus menerus untuk mendekatkan diri kepada Allah swt. Strategi ini secara tidak langsung dapat melatih diri untuk terus istiqamah dalam menjalankan ibadah sama ada yang wajib mahupun yang sunat seperti zikir, solat, puasa, sedekah. Dengan harapan dapat membentuk peribadi Muslim yang sejati dan istiqamah dalam mencari kebahagiaan dunia dan akhirat.

Ibnu Khaldun berpandangan bahawa pengulangan yang berterusan terhadap sesuatu amalan akan memberi kesan yang baik terhadap akhlak seseorang. Selain itu, Imam al-Ghazali juga menyokong pandangan beliau dengan menyatakan bahawa seseorang yang melazimi amalan kebaikan akan membentuk keperibadian insan dengan melakukan amalan secara konsisten yang akhirnya akan menjadi tabiat dalam kehidupan [18]. Sesungguhnya tabiat yang baik ini agak sukar dilakukan secara berterusan jika dalam persekitaran yang tidak membantu. Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan untuk melihat keberkesanan strategi *takrir*, antaranya ialah:

Tabel 1. Kajian para ahli

Abdullah Nasih Ulwan (1981)	Fitrah semula jadi manusia yang inginkan kebaikan. Adat kebiasaan dapat dibentuk dengan 3 perkara asas: <ol style="list-style-type: none">1. Berkait dengan akidah atau kepercayaan2. Mengalakkan kebaikan dan menjauhi kejahatan.3. Mengubah adat kebiasaan yang tidak baik kepada yang lebih baik [22]
Hery Noer Ali (1999)	Pembiasaan merupakan proses untuk mendapatkan kebiasaan yang berterusan sehingga membentuk tabiat [23]
Ramayulis (2004)	Pembiasaan adalah upaya pengamalan dalam pembentukan pelajar untuk menjadi insan soleh. Terdapat 3 bentuk pembiasaan dalam mengembangkan pendidikan Islam iaitu; pembiasaan akhlak, pembiasaan tingkah laku yang baik, pembiasaan ibadah seperti pembiasaan solat


	berjemaah, dan pembiasaan dalam keimanan yaitu dengan memantapkan akidah tauhid nya dengan sepenuh jiwa dan hati. [24]
Hanna Djumhana Bustaman (2010)	Pembiasaan adalah dengan melakukan sesuatu perbuatan secara berterusan dalam waktu yang cukup lama sehingga perbuatan itu sehati dan dikuasai dan akhirnya menjadi suatu kebiasaan yang susah untuk ditinggalkan. [25]
Indah Ro`fatul Aini (2017)	Kaedah pembiasaan dapat meningkatkan kecerdasan spiritual pelajar serta membantu pelajar untuk terus bersemangat dan istiqamah dalam melakukan sesuatu amalan/ kegiatan. [26]

Jelas berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kaedah pembiasaan ini memberi kesan yang positif terhadap pembentukan akhlak pelajar agar mereka lebih menghayati serta mengamalkan sesuatu amalan dengan lebih sempurna.

Perbincangan Dan Kesimpulan

Iklm sekolah yang berkesan merupakan salah satu aspek yang penting selepas proses pengajaran dan pembelajaran. Iklm ini penting dalam meningkatkan prestasi pencapaian pelajar serta dilaksanakan dengan berkesan supaya pelajar merasa lebih seronok ketika berada di sekolah. Iklm sekolah memberi pengaruh yang besar kerana ia berkait rapat dengan semua aspek dan kumpulan guru, pentadbir, staf dan juga pelajar. Iklm dini juga memberi impak yang sangat besar terhadap semua warganya serta dapat membentuk satu kebiasaan atau tabiat dalam diri seseorang.

Hasil daripada kupasan komponen-komponen ini, maka terbentuklah strategi-strategi iklm dini berasaskan pemikiran Ibnu Khaldun. Strategi-strategi ini amat perlu dipraktikkan di sekolah-sekolah agar dapat membentuk iklm dini yang berkesan. Sebenarnya banyak lagi aspek-aspek penting berkaitan pendidikan dan keilmuan yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun tidak disentuh dalam artikel ini. Artikel ini hanya membincangkan sebahagian sahaja aspek pendidikan yang disarankan oleh Ibnu Khaldun iaitu berkaitan strategi-strategi pelaksanaan iklm dini yang perlu dipraktikkan di sekolah-sekolah. Strategi-strategi ini masih lagi relevan dan amat sesuai untuk dipraktikkan di sekolah atau institusi pendidikan sebagai salah satu cara untuk mengurangkan masalah sosial dalam kalangan pelajar masa kini.



Gambar 1. Strategi Ibnu Khaldun

Melalui strategi-strategi di atas, jelas kepada kita bahwa Islam amat mengambil berat berkaitan iklm atau biah solehah. Jadi sewajarnya satu garis panduan yang perlu diikuti oleh semua umat Islam bagi membentuk peribadi Muslim yang baik yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, kertas ini menyediakan satu rangka kerja dalam mempraktikkan iklm dini di sekolah masing-masing terutamanya dalam strategi pelaksanaan yang dicadangkan. Kajian-kajian lanjut berkenaan iklm dini amatlah diharapkan dalam mendedahkan aspek-aspek pemikiran Ibnu Khaldun dalam kitab al-Mukadimah terus menjadi rujukan dan panduan kepada generasi akan datang.

DAFTAR RUJUKAN

- [1] Z. dan L. Rauf, R., Rasul, M.S., Mansor, A. N., Othman, "Inculcation of Science Process Skills in a Science Classroom," *Asian Soc. Sci. J. Publ. by Can. Cent. Sci. Educ.*, vol. 9, no. 8, 2013.
- [2] S. R. H. Konsep, *Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibnu Khaldun. Kuala Lumpur*. Scholar Mind Publishing.
- [3] J. L. M. Brien and dan R. S. Brandt, "The language of learning: A Guide to Education Terms," Alexandria, VA.
- [4] B. Garret, *Creating A Learning Organization*. Cambridge: Director Books. Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- [5] M. D. Sari, "Iklim Dini di Sekolah," *J. Dakwah*, vol. 1, no. 1, pp. 33–47.
- [6] M. N. dan A. Hashim, "Pelaksanaan Biah Solehah dan Kesan terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama," *J. Tek. dan Sains Sos.*, vol. 8, no. 1, pp. 25–43.
- [7] R. M. A. dan A. H. Abdullah, "Pelaksanaan Iklim Dini dan Hubungannya dengan Prestasi Sekolah."
- [8] S. Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Petaling Jaya*. Selangor: Pearson Prentice Hall.
- [9] B. Earl, *The Practice of Social Research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- [10] W. F. G. dan J. Lawrence, "Strategic Management and Business Policy. Published by McGraw-Hill Education." . 12
- [11] P. B. H. dan C. L. Hunt, *Sociology*. USA: McGraw-Hill Book Company.
- [12] M. Z. C. M. dan M. Abdullah. Ke, "Arah Pembentukan Peribadi Muslim di kalangan Pelajar," *J. Pendidik. Islam*, vol. 7, pp. 33–43.
- [13] A. H, "Tamuri dkk. Fungsi Surau dan Keberkesanannya dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di sekolah-sekolah menengah negeri Selangor. Bangi, Selangor :Fakulti Pendidikan,Universiti Kebangsaan." Malaysia.
- [14] M. Duki, "Penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru pendidikan Islam: satu kajian di daerah Kuala Selangor. Tesis Sarjana Pendidikan UKM Bangi, tidak diterbitkan." .
"Al-Quran al-Karim." .
- [15] I. Ashur dkk. 140H-2000. *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Bayrut: Muassasah al-Tarikh.
- [17] R. S. Janzarli, *Al-Usul al-Islamiah li al-tarbiah*. Makkah: Umm al-Qura University Press.
- [18] A. H. M. B. M. I. Al-Ghazali, "Ihya' Ulum ad-Din," *Jilid*, vol. 2, p. 4.
- [19] M. Umaruddin, *The Ethical Philosophy of al-Ghazali*. India: Adam Publishers.
- [20] A. Hamzah, "Analisis Terhadap Kemunculan Elemen Taklid dalam Pembentukan Skema Taakulan Akhlak," *Asia Pasific J. Educ. Educ.*, vol. 25, pp. 1–20.
- [21] Bandura, *Aggression: A Social Learning Analysis*. Englewood: Cliffs: Prentice Hall.
- [22] A. N. Ulwan, *Tarbiyatu Al Aulad fi Islam*. Darussalam: Pustaka.
- [23] H. N. Ali, *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- [24] *Ramayulis. Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: Kalam Mulia.
- [25] H. D. Bustaman, *Integrasi Psikologi dengan Islam: Menuju Psikologi Islam, Yogyakarta*. Pustaka Pelajar.
- [26] I. R. Aini, "Hubungan Antara Pembiasaan Tilawah al-Quran Dengan Kecerdasan Spiritual Siswa di Madrasah Aliyah Negeri 4." Bantul, Yogyakarta.

muhasin amrullah, pedagogia ibnu koldun 2019 - muhasin1 umsida

ORIGINALITY REPORT

18%

SIMILARITY INDEX

18%

INTERNET SOURCES

3%

PUBLICATIONS

6%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1	www.kaib.com.my Internet Source	3%
2	lynazi.blogspot.com Internet Source	1%
3	alumnisarjohor.blogspot.com Internet Source	1%
4	journalarticle.ukm.my Internet Source	1%
5	nanobioletters.com Internet Source	1%
6	www.sfco-congres.org Internet Source	1%
7	seminar.ipislam.edu.my Internet Source	1%
8	jice.um.edu.my Internet Source	1%
9	bisnisstrategy.blogspot.com	

Internet Source

1%

10

pustaka2.upsi.edu.my

Internet Source

1%

11

rahsiadisebalikuncangemas.blogspot.com

Internet Source

1%

12

vdocuments.site

Internet Source

1%

13

naa87.blogspot.com

Internet Source

1%

14

muazfiqwa.blogspot.com

Internet Source

1%

15

Submitted to Universiti Sains Islam Malaysia

Student Paper

1%

16

www.kuis.edu.my

Internet Source

1%

Exclude quotes On

Exclude matches < 1%

Exclude bibliography On